

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KONSEP PEMULIHAN DALAM KES  
JENAYAH SYARIAH: ANALISIS  
TERHADAP PENGUATKUASAAN  
JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA**

**MOHD ARIF ARIFFIN BIN ABU BAKAR**

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Doktor Falsafah**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**September 2025**

## ABSTRAK

Pelaksanaan konsep pemulihan dalam penguatkuasaan adalah penting bagi keberkesanan dan pengukuhan terhadap sistem penguatkuasaan syariah. Pemulihan dalam penguatkuasaan jenayah syariah juga merupakan peluang kedua yang diberikan kepada orang yang disyaki (OYDS) melakukan kesalahan syariah supaya dapat memperbaiki diri agar dapat menjadi masyarakat yang patuh kepada hukum syarak dan undang-undang. Menurut Senarai Daftar Pesalah Syariah Negeri Melaka, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka bagi tahun 2015 hingga 2019, terdapat 68 pesalah berulang melakukan kesalahan syariah yang melibatkan kesalahan-kesalahan dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 seperti menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan (seksyen 49) meminum minuman yang memabukkan (seksyen 50), bersekediaman (seksyen 53), kesalahan hamil atau melahirkan anak luar nikah (seksyen 54), kesalahan subahat persetubuhan haram (seksyen 55), perbuatan tidak sopan (seksyen 71), lelaki berlagak seperti perempuan (seksyen 72), melacurkan diri (seksyen 75) dan berjudi (seksyen 81). Selain itu adalah kesalahan yang melibatkan pungutan tidak sah di bawah seksyen 89. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep atau bentuk pemulihan jenayah syariah Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) terhadap OYDS di Negeri Melaka. Kajian ini merupakan kajian gabungan kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan kaedah soal selidik, tinjauan kepustakaan, temu bual dan analisis dokumen dalam pengumpulan data kajian. Hasil kajian mendapati terdapat program pemulihan yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM terhadap OYDS di Negeri Melaka iaitu Kursus Kesedaran Dan Penghayatan Islam. Namun, terdapat kelemahan dan kekurangan yang perlu kepada penambahbaikan terutamanya dari segi tenaga pakar yang mahir, tempoh masa dan pengisian aktiviti atau program tersebut. Hasil kajian ini juga mendapati terdapat garis panduan bagi pemulihan yang komprehensif dalam Islam yang merangkumi aktiviti seperti kelas bimbingan, muhasabah, kaunseling dan khidmat masyarakat. Garis panduan ini sebagai rujukan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM untuk menambahbaik program pemulihan yang dilaksanakan terhadap OYDS di Negeri Melaka. Usaha penambahbaikan di pelbagai sudut perlu dibuat secara berterusan supaya Penguatkuasaan Agama boleh menjadi sebuah agensi yang relevan dan juga dapat memberi implikasi yang baik dalam pembangunan atau pembinaan peribadi OYDS.

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah S.W.T, dengan rahmat dan kurniaanNya, tesis dengan tajuk Konsep Pemulihan Dalam Kes Jenayah Syariah: Analisis Terhadap Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka, telah dapat diselesaikan. Ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya disampaikan kepada penyelia saya Dr. Azhar Bin Abdul Aziz dan Profoser Madya Datin Dr. Rafeah Saidon, yang telah memberikan motivasi dan bimbingan sehingga tesis ini dapat diselesaikan. Idea-idea bernas yang penyelia saya sampaikan dalam pembinaan model kajian telah mampu menghasilkan tesis ini. Kritikan dan dorongan yang membina daripada penyelia saya, bermula dari cadangan kajian, penemuan kajian sehingga penyelesaian tesis, amat berharga untuk memperbaiki dan menyempurnakan tesis ini. Segala dorongan dan saranan yang diberikan itu diucapkan penghargaan yang penuh tulus ikhlas.

Penghargaan juga kepada Universiti Teknologi Mara (UITM) khususnya Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UITM, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung pengajian dalam peringkat PhD secara penyelidikan. Pada kesempatan ini juga disampaikan setinggi-tingginya penghargaan kepada majikan saya, Datuk Md Azhan Bin Samat, Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka yang menyokong dan memberi dorongan kepada saya untuk menyambung pengajian ini.

Penghargaan turut disampaikan kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka yang membantu dan menyediakan bahan-bahan bagi menyiapkan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan kepada Allahyarham bapaku Abu Bakar Bin Omar, ibuku Hajah. ; isteriku Norsuhaili Binti Mohd Noor, anakku Muhammad Aisy Fayyad dan seluruh sanak keluarga yang telah banyak bersabar dan tabah dalam proses menyiapkan tesis ini. Semoga apa yang telah diusahakan bermanfaat kepada kita semua. Amin.

# ISI KANDUNGAN

|                                        | <b>Halaman</b> |
|----------------------------------------|----------------|
| <b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b> | <b>ii</b>      |
| <b>DEKLARASI PENULIS</b>               | <b>iii</b>     |
| <b>ABSTRAK</b>                         | <b>iv</b>      |
| <b>PENGHARGAAN</b>                     | <b>vi</b>      |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>                   | <b>vii</b>     |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                  | <b>xiv</b>     |
| <b>SENARAI STATUT</b>                  | <b>xviii</b>   |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                   | <b>xix</b>     |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>               | <b>xx</b>      |
| <b>TRANSLITERASI</b>                   | <b>xxi</b>     |
| <br>                                   |                |
| <b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>          | <b>1</b>       |
| <br>                                   |                |
| 1.1      Pengenalan                    | 1              |
| 1.2      Latar Belakang Kajian         | 3              |
| 1.3      Masalah Kajian                | 10             |
| 1.4      Persoalan Kajian              | 19             |
| 1.5      Objektif Kajian               | 19             |
| 1.6      Skop kajian                   | 20             |
| 1.7      Lokasi Kajian                 | 21             |
| 1.7.1      Pentadbiran Melaka          | 22             |
| 1.7.2      Pembahagian Daerah          | 23             |
| 1.8      Kepentingan Kajian            | 23             |

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pada dasarnya, pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang Islam merupakan suatu kewajiban bagi setiap Muslim bagi menjamin keharmonian, keselamatan dan kestabilan sesebuah masyarakat. Penguatkuasaan jenayah syariah merujuk kepada melaksanakan peraturan yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa seperti peruntukan yang terdapat di bawah enakmen kesalahan atau jenayah syariah negeri-negeri. Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dalam Islam adalah lebih bertujuan untuk menyuruh masyarakat kepada kebaikan dan mencegah daripada berlaku kemungkaran. Dalam konteks undang-undang jenayah syariah pula, penguatkuasaan terhadap undang-undang tersebut kebiasaannya dilaksanakan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA).

Pelaksanaan penguatkuasaan jenayah syariah di Negeri Melaka adalah berdasarkan undang-undang yang telah diperuntukkan dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002. Kuasa-kuasa penguatkuasaan yang telah diberikan oleh enakmen tersebut kepada PPA dalam kes-kes jenayah syariah boleh dikategorikan kepada dua kategori: pertamanya, kuasa siasatan dan penguatkuasaan kesalahan boleh tangkap dan keduanya, kuasa siasatan dan penguatkuasaan dalam kesalahan tidak boleh tangkap. Selain daripada penguatkuasaan kesalahan boleh tangkap dan tidak boleh tangkap, pelaksanaan penguatkuasaan juga dilakukan dengan konsep pencegahan iaitu memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan kesalahan-kesalahan syariah di Negeri Melaka dan undang-undang yang diperuntukkan dalam enakmen seperti edaran risalah atau pamflet, ceramah dan papan tanda. Selain itu, dalam konsep pencegahan juga boleh diklafikasikan sebagai konsep pemulihan iaitu memberi kursus kesedaran kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan syariah (OYDS) yang diadakan pada setiap bulan (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka, 2002; Fail Meja Unit Pencegahan, Bahagian Penguatkuasaan JAIM, Senarai Tugas Unit Pencegahan Bahagian Penguatkuasaan JAIM, 2019).